



APB 949452
NASRAN PEMERINTAHAN
PENUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
29 AUG 1998



TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI.
TINGKAT 5, WISMA P.K.N.S.,
JALAN RAJA LAUT,
50674 KUALA LUMPUR

Telefon: 2922466
Kawat: PERDANA



KATA-KATA ALUAN

Dalam arus pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur masyarakat miskin tidak seharusnya dibiar ketinggalan. Sudah menjadi tradisi dan kewajipan Kerajaan Barisan Nasional membela golongan yang miskin lagi hidup serba kekurangan di kawasan setinggan dan rumah-rumah pangsa.

Sebuah program yang dibentuk khusus bagi memikul tugas yang sedemikian telah dilancarkan sejak tahun 1979 dan setiap tahun telah ditingkatkan mutunya dengan peruntukan kewangan yang besar.

Program NADI sebagai yang dikenali telah dapat memecah kebuntuan jurang di antara rakyat dengan agensi-agensi Kerajaan sehingga mencapai tahap kerjasama erat di kedua belah pihak dalam bentuk pengembangan tenaga bagi menjayakan tiap-tiap projek yang dilaksanakan. Kejayaan ini telah dapat dibanggakan oleh rakyat sendiri kerana hasil usaha dan penglibatan mereka di peringkat awal hingga akhir perlaksanaan tiap-tiap projek yang diluluskan.

Saya yakin bahawa rakyat telah dapat manfaat dari kerajaan tiap-tiap projek sosial dan ekonomi yang dilaksanakan bersama kerana mereka yang menjadi kumpulan sasaran utama program ini.

"SELAMAT MAJU JAYA"

(DATO' DRs. SULEIMAN MOHAMED)



Ketua Pengarah
Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur.

KATA-KATA ALUAN



KATA-KATA ALUAN

Semenjak Program Nadi dilancarkan pada tahun 1979, berbagai-bagai jenis projek sosial dan ekonomi yang dilaksanakan telah dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat terutamanya masyarakat berpendapatan rendah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dengan kerjasama masyarakat tersebut telah dapat menjayakan tiap-tiap projek yang dilaksanakan secara lebih berkesan. Kejayaan ini juga adalah hasil dari kerjasama berbagai agensi Kerajaan yang bersepada tenaga dan sumber kewangan bagi menjayakan program nadi. Merancang bersama rakyat adalah merupakan hikmat di sebalik kejayaan tiap-tiap projek yang dilaksanakan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Jawatankuasa-Jawatankuasa Petugas di kalangan masyarakat yang menjadi kumpulan sasaran di atas usaha-usaha gigih mereka secara sukarela dan berkorban untuk memajukan dan meninggikan taraf hidup.

Sekian. Selamat Maju Jaya.

()
DATUK HJ. NOORDIN BIN HJ. ABD. RAZAK
Ketua Pengarah,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

PROGRAM NADI

URUSETIA PROGRAM NADI
WILAYAH PERSEKUTUAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 50350
FAX: DBKL 603-2918675

KELUARGA KU SAYANG

A. MUQADIMMAH

Program NADI telah dilancarkan antara September 1978 dan awal tahun 1980 dengan kerjasama badan-badan pertubuhan antarabangsa iaitu JOICEF dan UNICEF yang juga merupakan Badan Penyelaras untuk program-program sosial di Wilayah Persekutuan.

Pada Pertengahan tahun 1978, satu seminar kemiskinan bandar anjuran bersama Dewan Bandaraya, INTAN dan UNICEF telah diadakan untuk mengenalpasti masalah kemiskinan bandar di kalangan penduduk berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Seminar tersebut telah menyusun beberapa strategi khusus untuk membolehkan kerajaan membantu menyelesaikan masalah golongan rakyat bandar yang berpendapatan rendah.

Hasil dari resolusi dan strategi yang dicadangkan, Dewan Bandaraya dengan kerjasama beberapa orang pakar dari institusi dan agensi kerajaan telah membentuk satu program yang diberi nama Projek Sang Kancil.

Pada tahun 1980, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menubuhkan satu program induk dikenali sebagai 'Program NADI' yang merangkumi semua aspek sosio-ekonomi untuk memperbaiki taraf hidup penduduk bandar dari golongan berpendapatan rendah. Kini, projek-projek seperti Projek Sang Kancil, Penambahan Pendapatan dan Pengawalan Cacing, beserta projek-projek lain telah diserap sebagai sebahagian daripada Program NADI.

B. Definisi 'Program NADI'

Program NADI ialah satu program pembangunan sosio-ekonomi yang dilaksanakan secara bersepadau di antara orang ramai dan agensi-agensi kerajaan bertujuan untuk meninggikan kualiti/meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk berpendapatan rendah di Bandaraya Kuala Lumpur.

Penumpuan pencapaian matlamat Program NADI ini ialah bagi kawasan di mana taraf sosio-ekonomi, kesihatan dan infrastruktur penduduk berada pada paras kemunduran. Ini merangkumi penduduk yang berpendapatan rendah di sekitar lebih daripada 30 kawasan-kawasan setinggan dan kawasan-kawasan perumahan/rumah pangsa berharga murah di Wilayah Persekutuan.

C. Rasional-Rasional Program NADI'

Pembentukan Program NADI dirasakan perlu di atas rasional-rasional yang berikut:—

Wujudnya masalah-masalah kemiskinan disebabkan oleh faktor-faktor struktural (structural) dan tingkah laku (behaviourial).

- i) Faktor Struktural:
 - a) Kekurangan kemahiran
 - b) Tingkat pendapatan yang rendah

- c) Kekurangan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat tinggal, bekalan air, elektrik dan lain-lain
 - d) Taraf kesihatan yang rendah
 - e) Kekurangan institusi-institusi dalam masyarakat yang menyebabkan kesukaran untuk melakukan pembangunan
 - f) Kesukaran mendapatkan kemudahan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan
 - g) Kesukaran mendapatkan pekerjaan
 - h) Pemakanan tidak seimbang
 - i) Tingkat pelajaran yang rendah
- ii) **Faktor Tingkahlaku**
- a) Sikap orang ramai dan juga pegawai/kakitangan kerajaan terutama dari segi disiplin bekerja
 - b) Kekurangan peluang-peluang yang dapat menggalakkan motivasi untuk maju
 - c) Sikap tidak bersedia dan tidak ada 'commitment' di pihak orang ramai untuk menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti penambahan pendapatan
 - d) Kurang minat untuk bekerjasama dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan
 - e) Sikap benci dan memberontak

Program NADI juga difikirkan perlu untuk menampung atau memenuhi kehendak-kehendak masyarakat yang kurang berasib baik (cacat, pengemis dan lain-lain) di kawasan bandaraya.

Sebahagian dari sebab berlakunya lingkaran kemiskinan ini adalah kurang berkesannya cara perlaksanaan dan aktiviti-aktiviti, yang dijalankan secara berasingan oleh agensi-agensi kerajaan dalam mengurus serta melaksanakan projek-projek yang ada hubungan dengan penduduk-penduduk miskin bandar.

Program NADI merupakan badan yang memastikan perancangan dan perlaksanaan yang komprehensif bagi memenuhi keperluan-keperluan rakyat (integrated planning and implementation). Dalam usaha itu Program NADI telah menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti pembangunan sosio-ekonomi dari berbagai-bagai agensi kerajaan yang terlibat, untuk diwujudkan satu aktiviti bersepada (one intergrated programme) dan digerakkan sebagai satu pasukan untuk mengelakkan pertindihan tugas, konflik, pembaziran sumber-sumber tenaga dan amat penting ialah mengatasi masalah kekeliruan dalam masyarakat.

Justeru itu, Program NADI bukannya suatu program yang baru tetapi suatu rangka program yang terselaras yang merangkumi aktiviti-aktiviti pembangunan: setiap agensi-agensi terlibat, di mana sumber-sumber boleh dikongsi bersama dan kemahiran-kemahiran dapat disalurkan untuk memenuhi keperluan-keperluan penduduk di Wilayah Persekutuan dengan cara lebih effektif.

Keadaan pembangunan yang pesat di sektor-sektor yang lain telah mempertingkatkan ekspektasi rakyat melalui proses 'revolution of rising expectation'. Ekspektasi ini jika tidak dipenuhi boleh mengakibatkan situasi 'relative deprivation'. Iaitu ianya mempunyai implikasi politik yang agak negatif dari kaca mata kerajaan yang memerintah.

Seperkara lagi yang amat membanggakan ialah Program NADI juga merupakan suatu usaha ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu:-

- i) Membasmi kemiskinan
- ii) Menyusun semula masyarakat

D. Tema Program NADI

Tema Program NADI ialah 'Keluarga Ku Sayang' (My Beloved Family). Tema ini dipilih berdasarkan kepada beberapa faktor asas yang merangkumi aspek-aspek keluarga ku sayang. 'Keluarga' merupakan unit masyarakat yang kecil dan yang utama (primary). Manakala 'sayang' pula ialah sesuatu yang mengekalkan perpaduan sesebuah keluarga itu.

E. Objektif-objektif Program NADI — Lihat Lampiran I

Matlamat utama Program NADI ialah untuk memperbaiki kualiti/meningkat taraf hidup golongan berpendapatan rendah di Bandaraya Kuala Lumpur.

- i) Keluarga Bahagia
- ii) Masyarakat Bertanggungjawab
- iii) Masyarakat Bersepadu
- iv) Masyarakat yang berkualiti, disiplin dan produktif
- v) Belia Berakhlaq Mulia
- vi) Belia Berakhlaq dan Berkemahiran
- vii) Insan yang seimbang membangun dan berikrab

Pencapaian matlamat utama tersebut, akan tercapai melalui 4 kelompok objektif-objektif yang merupakan sasaran penekanan kepada aspek-aspek pembangunan sosio-ekonomi masyarakat iaitu:—

- i) Memperbaiki Alam Sekitar
 - a) Paip Umum
 - menyalurkan bekalan air kepada penduduk setinggan dan kawasan yang memerlukan.
 - b) Pungutan Sampah
 - menyediakan perkhidmatan pungutan sampah supaya menjamin kebersihan sekitar kawasan di Wilayah Persekutuan.
 - c) Tandas Curah
 - mewujudkan sistem pembuangan najis yang sempurna untuk mengelakkan dari pencemaran.
 - d) Perparitan
 - mengadakan sistem perparitan yang baik untuk mengelakkan takungan air dan banjir kilat.
 - e) Jalan Keluar/Masuk
 - menyediakan sistem jalan raya untuk menghubungi setiap kawasan.
- ii) Kesedaran Sosial, Bantuan Pendidikan dan Penyertaan Masyarakat
 - a) Ceramah & Kempen
 - menentukan maklumat-maklumat penting kerajaan sampai ke pengetahuan masyarakat dengan cara kempen, ceramah, risalah-risalah dan bahan-bahan taklimat.

- b) Kelab-Kelab/Persatuan
 - membantu masyarakat menyusun organisasi dan menubuhkan kelab-kelab persatuan bagi membenihkan minat terhadap sesuatu perkara. Ini juga sebagai satu saluran yang sah bagi masyarakat meluahkan kehendak mereka untuk tujuan ekonomi, sosial dan politik.
- c) Kemudahan Rekreasi
 - mengadakan kemudahan-kemudahan seperti tempat permainan, dewan-dewan dan taman-taman bagi kemudahan masyarakat.
- d) Unit-unit Bergerak
 - mengadakan sistem unit-unit bergerak seperti tayangan filem, klinik, perpustakaan dan perkhidmatan lain bagi menjamin kemudahan masyarakat.
- e) Perpustakaan Kanak-kanak
 - mengadakan perpustakaan kanak-kanak di kawasan projek sebagai tempat belajar yang sempurna.
- f) Bantuan Pendidikan
 - membimbing pelajar-pelajar dan belia untuk memajukan pelajaran dengan mengadakan kelas-kelas tuisyen, pusat bimbingan pelajar, bantuan kewangan dan bahan bacaan untuk pelajar yang miskin.
- g) Kor Wargakota
 - mewujudkan semangat kesetiaan kepada negara dari semangat kerelaan untuk berkorban.
- h) Belia Kurang Upaya
 - menjamin belia-belia kurang upaya supaya dapat berdikari.
- i) Bantuan PEMADAM
 - mengerakkan kerjasama bagi membanteras penagihan dadah, menempatkan ke Pusat Pemulihan dan tindakan yang perlu diambil ke atas kawasan sarang penagih.

iii) Memperbaiki Taraf Kesihatan dan Kebajikan Keluarga

- a) Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak
 - memberi khidmat kepada ibu-ibu yang mengandung serta menyebarkan maklumat mengenai pemakanan dan zat. Juga memberi pengetahuan ibu-ibu mengenai kesihatan, pendidikan dan perancangan keluarga.
- b) Perancang Keluarga
 - menyediakan perkhidmatan dan keperancangan keluarga.
- c) Kesihatan Murid-murid di Sekolah
 - memberi pengetahuan kepada murid-murid tentang penjagaan kesihatan.
- d) Pengawalan Parasit
 - menyebarkan maklumat cara-cara pengawalan parasit di semua peringkat masyarakat.
- e) Makanan dan Pemakanan
 - memberi pengetahuan dan maklumat tentang aspek-aspek pemakanan yang sempurna.
- f) Bantuan Zat Pemakanan
 - memberi bantuan berupa barang makanan yang berzat kepada kanak-kanak yang miskin.

- g) Pencegahan Penyakit Berjangkit
 - mengadakan perkhidmatan kesihatan seperti klinik bergerak, kempen dan taklimat mengenai penyakit yang merbahaya.

- iv) Penambahan Pendapatan dan Kerjaya
 - a) Khidmat Pemasaran
 - menyediakan kemudahan ruang untuk pemasaran
 - b) Belia Usahawan
 - mewujudkan kepimpinan belia dalam perniagaan
 - c) Penambahan Pendapatan Keluarga
 - meningkatkan pendapatan sekeluarga.
 - d) Bakti Swasta
 - memberi pendedahan kerjaya/latihan kemahiran kepada belia-belia menganggur

F. Strategi-Strategi Program NADI

Objektif-objektif tersebut di atas akan dapat dicapai melalui 5 strategi utama yang berikut:—

1. Pendekatan Bersepadu:—

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat akan mengembang tenaga dan mengumpul sumber-sumber yang ada untuk digerakkan segala perkhidmatan-perkhidmatan secara bersepadu.

Strategi pendekatan bersepadu akan dapat dilaksanakan melalui 3 peringkat iaitu:—

- i) Antara Agensi-Agenzi Kerajaan
- ii) Antara Kerajaan dan Masyarakat
- iii) Ras dan Etnik

2. Pendidikan:—

Dalam usaha mencapai objektif-objektif Program NADI, pendidikan juga amat penting sebagai salah satu strategi untuk mewujudkan pembaharuan dalam masyarakat itu sendiri melalui:—

- i) Pengetahuan
 - sebaran maklumat-maklumat yang membawa kepada pembangunan.
- ii) Kesedaran
 - menyedarkan masyarakat akan kepentingan pembangunan sosio-ekonomi.
- iii) Sikap
 - mengubah sikap masyarakat yang leka dalam kehidupan seharian.
- iv) Kemahiran
 - melatih masyarakat asas-asas kemahiran bagi berdikari.
- v) Pendedahan
 - mendedahkan masyarakat kepada perkara-perkara baru yang dapat meningkatkan taraf hidup.
- vi) Perubahan (cara berfikir)
 - menanamkan pemikiran yang positif di kalangan masyarakat.
- vii) Keberkesanan
 - mengajar masyarakat tentang kesan-kesan yang boleh diperolehi hasil dari perubahan.

3. Penglibatan Masyarakat:—

Menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan keluarga miskin secara terus dan menumpukan perhatian terhadap hakikat bahawa satu-satu keluarga adalah unit penting dalam pembangunan seseorang individu. Begitu juga dengan mengadakan operasi yang berpusat di satu kawasan yang ditujukan dengan penglibatan yang aktif oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Tindakan Tempatan.

4. Amalan:—

Perlaksanaan sesuatu program perlu dilaksanakan secara berterusan supaya dapat memperolehi maklumbalas dari golongan sasaran. Setiap peringkat juga hendaklah direkod untuk mendapat kesan peningkatan setiap program.

Fokus penumpuan golongan-golongan miskin yang terdapat di kawasan sesak di bandar-bandar.

5. Tumpuan:—

Asas penumpuan adalah bagi kawasan kediaman yang mempunyai kepadatan yang tinggi di kalangan keluarga miskin.

G. Aktiviti-Aktiviti dan Projek-Projek Program NADI

Dalam menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti yang ditujukan untuk faedah-faedah penduduk-penduduk miskin di Wilayah Persekutuan, pelbagai perkhidmatan-perkhidmatan dan peluang telah disediakan. Aktiviti-aktiviti Program NADI melibatkan 4 kelompok objektif yang telah dinyatakan di atas.

Aktiviti-aktiviti tersebut dapat digambarkan melalui beberapa projek-projek yang telah, sedang dan akan dijalankan di beberapa kawasan yang tertentu di Wilayah Persekutuan. Di antara projek-projek tersebut ialah:—

- i) Projek Sang Kancil
- ii) Projek Pengawalan Cacing
- iii) Bekalan Letrik
- iv) Bekalan Paip Umum
- v) Projek Information, Education, Communication (IEC)
- vi) Latihan
- vii) Pusat Perkhidmatan Masyarakat
- viii) Pembangunan Am Kampung
- vix) Pengesanan dan Penilaian Projek Program NADI
- x) Bakti Swasta
- xi) Belia Kurang Upaya
- xii) Belia Usahawan
- xiii) Pusat Bimbingan Pelajar
- xiv) Bantuan Zat Makanan
- xv) Projek Kelas Tuisyen

H. Perlaksanaan

Program ini dilaksanakan secara usahasama rakyat dengan kerajaan. Rakyat menyertai sebagai individu dan anggota keluarga melalui pertubuhan-pertubuhan masyarakat yang berperanan mengesan keperluan, menentukan matlamat, mengerakkan sumber-sumber masyarakat dan mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah mereka.

- I. Agensi-Agenzi Kerajaan Yang Terlibat Dalam Program NADI
1. Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan
 2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 3. Unit Penyelaras dan Perlaksanaan (ICU), JPM
 4. Unit Perancangan Ekonomi, JPM
 5. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, W.P.
 6. Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan
 7. Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan
 8. Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan
 9. Jabatan Perpaduan Wilayah Persekutuan
 10. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
 11. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
 12. Jabatan Kemajuan Masyarakat Wilayah Persekutuan
 13. Jabatan Buruh Wilayah Persekutuan
 14. MARA Wilayah Persekutuan
 15. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
 16. Pejabat Tanah dan Galian W.P.
 17. Majlis Belia Wilayah Persekutuan
 18. Ketua Polis Kuala Lumpur
 19. Jabatan Bekalan Air
 20. Jabatan Sosial, Obstetriks dan Ginekologi UM
 21. Jabatan Pediatric, Hospital Besar Kuala Lumpur
 22. Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar UPM
 23. Institut Perunding UPM
 24. INTAN — Institut Tadbiran Awam Negara
 25. Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia

Urusetia Program NADI akan bertindak sebagai penyelaras dan perlaksanaan program ini.

J. Struktur dan Organisasi Program NADI

Ini dapat diuraikan melalui 3 aspek seperti berikut:—

- i) Struktur Organisasi
 - ii) Fungsi
 - iii) Organisasi-Organisasi yang terlibat
- i) **Struktur Organisasi — Lampiran II**
Struktur organisasi Program NADI melibatkan 4 peringkat iaitu peringkat Wilayah Persekutuan terdapat JAWATANKUASA PEMANDU. Di peringkat TEKNIKAL terdapat wakil 7 kawasan Parlimen dan pegawai-pegawai teknikal dari agensi-agensi kerajaan. Manakala di peringkat 'PERLAKSANAAN' terdapat wakil-wakil masyarakat, agensi-agensi perlaksanaan dan wakil-wakil politik. Selanjutnya di peringkat kawasan terdapat 'JAWATANKUASA PETUGAS', seperti manterang dalam Lampiran II. Jentera ini dikumpulkan sebagai 'Rangkaian Bersepadu' dari kerajaan.

JAWATANKUASA PETUGAS akan bekerja rapat dengan Urusetia Program NADI. Selain dari itu, terdapat pertubuhan-pertubuhan lain, PIBG dan

persatuan-persatuan sukarela dalam rangka mobilasasi segala sumber-sumber.

Urusetia Program NADI akan menjadi tenaga penggerak perkhidmatan-perkhidmatan agensi kerajaan ke arah kumpulan-kumpulan sasaran yang mana mengikut susunan operasinya mempunyai pertalian yang erat sekali. Jawatankuasa Petugas ini dibentuk kerana pilihan di peringkat daerah dan kawasan sasaran dan akan mewakili penduduk-penduduk untuk kepentingan-kepentingan yang berikut:—

- i) Pelajaran
 - ii) Penambahan Pendapatan dan Industri Kampung
 - iii) Berdaya
 - iv) Sukan dan Rekreasi
 - v) Kesihatan
 - vi) Ugama
 - vii) Infrastruktur Asas
- ii) **Fungsi Struktur Organisasi dan Kumpulan Maklumat**
Struktur organisasi tercatit di atas adalah bertanggungjawab kepada 2 fungsi utama:—
- i) Dasar dan Perancangan
 - ii) Perlaksanaan
- Dasar dan Perancangan akan dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa berikut:—
- a) JAWATANKUASA PEMANDU
 - b) JAWATANKUASA TEKNIKAL
 - c) JAWATANKUASA PERLAKSANAAN

Fungsi perlaksanaan dasar dan perancangan akan dipertanggungjawabkan kepada berikut:—

- a) Pengerusi Jawatankuasa TEKNIKAL
- b) Pengerusi Jawatankuasa PERLAKSANAAN
- c) Pengerusi Jawatankuasa PETUGAS


Fungsi Urusetia Program NADI adalah setiausaha kepada semua Jawatankuasa-Jawatankuasa dengan tugas-tugas yang berikut:—

- i) Setiausaha kepada semua Jawatankuasa
- ii) Laporan dan Penerangan
- iii) Kumpulan Maklumat
- iv) Penyelaras kepada semua agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta yang berkenaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela
- v) Perlaksanaan dan Penyelaras Projek
- vi) Penilaian

iii) Organisasi Terlibat

Agenси-agenси disenaraikan di atas adalah terlibat dalam satu rangkaian untuk menggerakkan segala sumber-sumber, tenaga manusia dan peruntukan kewangan ke arah kumpulan sasaran. Termasuk juga yang tidak disenaraikan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk membantu usaha-usaha kempen dan perlaksanaan projek-projek. Pertubuhan-pertubuhan ini akan diselaraskan di bawah Program NADI; merupakan sebagai satu tenaga penggerak ke arah pembasmian kemiskinan bandar.

KEGIATAN PROGRAM NADI WILAYAH PERSEKUTUAN




OBJEKTIF-OBJEKTIF PROGRAM NADI

1. Keluarga Bahagia
2. Masyarakat Bertanggungjawab
3. Masyarakat Bersepudu
4. Masyarakat yang berkualiti, disiplin dan aktif
5. Belia beraklak mulia
6. Belia berilmu dan berketrampilan
7. Insan yang seimbang membangun dan berikrab

STRUKTUR DAN ORGANISASI PROGRAM NADI


JAWATANKUASA PEMANDU



JAWATANKUASA TEKNIKAL




JAWATANKUASA PERLAKSANAAN





Masih Ada Yang Sayang

AGENSI-AGENSI KERAJAAN BERSEPADU PROGRAM NADI





“....Saya Resmikan Program NADI”
Y.B. Tan Sri Dato’ Zainol Mahmud



Perasmian Kempen Program NADI
Official Launching Of The NADI Programme



Majlis Penyampaian Sijil Perlantikan Jawatankuasa Petugas
Presentation Of Appointment Certificate To The Local Action Committee



Perjumpaan Dengan Jawatankuasa Petugas
Meeting With The Local Action Committee




Acara Sambutan Kempen Perkhidmatan Bersepadu
Reception For The Campaign of Intergrated services



Upacara Berkhatan Secara Beramai-ramai
Mass Circumcision Ceremony



Pertunjukan Kegiatan Rekreasi Kampong
An Exhibition Of Kampong Recreational Activities



Kelas Tuisyen Untuk UPSR
Tuition Classes For Primary Six




Kelas Sang Kancil
Sang Kancil Nursery Classes



Kursus Persedian Peperiksaan
Preparatory Course For Examinations




Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus
Presentation Ceremony Of Certificates For Course Completion




Perusahaan Kampong
Home Industry



Satu Lagi Perusahaan Kampong
Another Home Industry




Perusahaan Kampong
Home Industry



Majlis Kanak-kanak Miskin Dan Kurang Upaya



Kempen Kesihatan
Health campaign



Kempen Pembasmi Cacing
Campaign on deworming



Dihari Perayaan Kanak-kanak - Aktiviti KWK




Galakan Pada Budaya
Encouragement On The Culture



Kegiatan Gotong-Royong Untuk Kemudahan Asas
Team work on basic amenity



Engkau Masih Dihatiku
I Care For You



Keluargaku Sayang
My Beloved Family

NADI PROGRAMME

THE SECRETARY
NADI PROGRAMME
FEDERAL TERRITORY
CITY HALL KUALA LUMPUR 50350
FAX: DBKL 603-2918675

MY BELOVED FAMILY

A. INTRODUCTION

NADI Programme was launched between September 1978 and early 1980 with the cooperation of international organisations, i.e. JOICEF and UNICEF which are also the coordinating body for social programmes in the Federal Capital.

In the middle of 1978, a seminar on urban poverty, co-sponsored by City Hall, INTAN and UNICEF was held to identify the problems among the lower income group in Kuala Lumpur. The seminar formulated several strategies to enable the Government to assist the lower income group in urban areas.

As the result from the proposed resolution and strategy, City Hall, with the cooperation of the experts from the institution and Government agencies have formed a programme which is known as Projek Sang Kancil.

In 1980, the Ministry of Federal Territory has formed one master programme known as NADI Programme which include all aspects of social-economics to improve the condition of the city dwellers in the lower income group. Currently these projects, such as Projek Sang Kancil, the income generating project, deworming project together with other projects are to be part of the "NADI Programme".

B. DEFINITION OF "NADI PROGRAMME"

NADI Programme is a joint venture programme on community development with the people for the objective to uplift the quality of life for the lower income groups in the City of Kuala Lumpur.

The main target areas within the objective of the NADI Programme to be achieved are those of low economics, social, health and infrastructure status among the city dwellers. This include 30 areas of low income group of squatters and low cost flats within the Federal Territory of Kuala Lumpur.

C. NADI PROGRAMME' RATIONALE

The establishment of NADI Programme is necessary on following rationales:—

The existence of the urban poverty problems are classified under two main factors, i.e. structural factors and behavioural factors.

- i) Structural Factors
 - a) Lack of skill
 - b) Low income
 - c) Lack of basic amenities such as housing, water, electricity etc
 - d) Poor health facilities

- e) Lack of voluntary social institution within the community that lead to the difficulty of implementing development
 - f) Inaccessibility to government facilities
 - g) Difficult to obtain employment
 - h) Inadequate balance diet
 - i) Low level of education
- ii) **Behavioural Factors**
- a) Community attitude on work discipline
 - b) Lack of opportunities to encourage motivation on progress
 - c) Unprepared attitude and non-committment of the people to participate in the activities of income generating
 - d) Lack of motivation to co-operate and be involved in developments
 - e) Hatred and rebellious

NADI Programme is also thought as necessary to cater or to fulfil the needs of the communities who are less fortunate (handicap, beggars, etc.) in city areas.

One of the cause of the vicious circle of poverty is the lack of effectiveness in the implementation of activities, which are carried out separately by various Government agencies in supervising and management of the projects which related closely with urban poor.

Therefore NADI Programme is a body to ascertain the intergration in the implementation of the comprehensive sosio-economic plan to fulfill the needs of the people. In this respect NADI Programme will co-ordinate all the activities of the social development from the various Government agencies involved to create into one intergrated programme as a team and not to duplicate the responsibilities, to avoid the waste of manpower and the most important to overcome complex problems of the community.

Hence, this programme is nothing new but designed to co-ordinate development activites of various government agencies involved, to share all resources, on skills and to mobilize them for the needs of the urban poor in the Federal Territory more effectively.

The rapid development in other sectors has given rise to high expectation of the people through the process of "revolution of rising expectation". This expectation if it is not fulfil will lead to a "related deprivation" that will adversely affect the political and negative effects to the Government in power.

In addition to this, it is proud to say that NADI Programme is also an effort towards the achievement of the New Economic Policy, i.e.—

- i) to eradicate poverty
- ii) to restructure society

D. THE THEME OF NADI PROGRAMME

The theme of the NADI Programme is "My Beloved Family". The theme was chosen based upon various factors related on the aspects of love of a family. A family is a basic and primary unit of a society. Whereas "love" is a binding force in the family unit.

E. OBJECTIVES OF THE NADI PROGRAMME — *See Appendix I*

The main objective of the Nadi Programme is to improve the quality of life of the lower income group in the city of Kuala Lumpur.

- i) A Happy Family
- ii) Responsible Community

- iii) Integrated Community
- iv) Quality Community with discipline and productive attributes
- v) Youth with morality
- vi) Youth with skill
- vii) Create individual with high sense of esteemed balance and support within community

In relation to achieve this objective, NADI Programme also include 4 various sub-objectives which concentrates on several aspects of the society:—

- i) To improve surrounding areas
 - clean water supplies to the squatters areas
 - rubbish collection service to ensure clean surrounding areas in the Federal Territory
 - to introduce better sanitary system so as to avoid pollution
 - to have a good drainage system in order to avoid stagnant water and flash flood
 - to build roads in order to make all areas accessible
- ii) Social Consciousness, Education Assistance and Community Participation
 - a) Lecture/Champaign
 - to ensure important messages reach the community
 - b) Clubs/Associations
 - to assist the community to organize and form clubs and associations to make them interested in all matters. This is one of the channel for them to voice their needs related to politics, economics and social
 - c) Recreation facilities
 - to provide facilities such as playing grounds, community halls and parks
 - d) Mobile Unit
 - to introduce mobile unit system such as film shows, clinics, library and other related services which will determine the welfare of the community
 - e) Children Library
 - to introduce children library in the project area as a place for study
 - f) Educational
 - guidance for children and youth to improve their education and to conduct tuition classes, financial aid and reading materials for the poor students
 - g) Citizen Corps
 - in order to instil loyalty to the nation by organizing voluntary bodies emphasizing spirit of sacrifices to the country

- h) Disabled Youths
 - to ensure the disabled youth towards self-reliance
- i) PEMADAM Aid
 - to strengthen the spirit of cooperation in eradicating drug abuses, to place them in the Rehabilitation Centre and to take action on the addicted areas

- iii) To improve the Standard of Health and Welfare of the Family
 - a) Mother and Child Care
 - to provide service to the expectant mothers together with informations on food and nutrition. To provide informations to mothers with regard to their health, education and family planning
 - b) Family Planning
 - to provide services and campaign for family planning
 - c) Health for School Children
 - to educate students on hygiene
 - d) Control on Parasite
 - to distribute informations on the control of parasite at all community levels
 - e) Food and nutrition
 - to ensure and provide information on balance diet
 - f) To prevent infection
 - to make available health services such as mobile clinic, campaign and information on the infectious diseases

- iv) Income Generating & Career Development
 - a) Marketing Service
 - to provide marketing outlet
 - b) Youth Entrepreneur
 - to establish youth entrepreneurship in business
 - c) Income Generating
 - to increase family income
 - d) On Job Training
 - to expose the youth to working environment

F. THE STRATEGIES OF NADI

The above objectives will be achieved by 5 main strategies. Related government agencies will co-ordinate efforts together with all available resources to move as an integrated force.

1. Integrated Strategy

The Integrated strategic approach will be implemented in 3 stages:-

- i) intra-governmental agencies
- ii) Inter-government and society
- iii) Inter-ethnic grouping

2. Education

In an effort to achieve NADI Programme objective, education is important as a mean to establish modernization in the society itself through:-

- i) Knowledge
 - Distribution of information towards development
- ii) Consciousness
 - To instil awareness among the community the importance of development

- iii) Attitude
- To change the attitude of the community who are absorbed by their daily life
- iv) Skill
- To train the community the basic of self-reliance
- v) Exposure
- To expose the community to changes which will enhance, their living standard
- vi) Mental Revolution
- To instil positive thinking among the community
- vii) Effectiveness
- To teach the society about the benefits which could be derived from changes

3. Community Participation

To implement activities which are related to poor income family directly and to focus interest based on the fact that each family is the core unit for the development of individual. In addition to this it is important to hold an operation which concentrates at a given target area with active participation from the member of the Local Action Committee.

4. Exercise

The implementation of each programme requires constant exercise so as to get feed-backs from the target group. Each stages need to be recorded for the significant effect of changes.

5. Focus

The basic of concentration should be upon high density area of low income residents.

G. ACTIVITIES AND NADI PROJECTS

In co-ordination with all the activities which are aimed for the benefits of poor residents in the Federal Territory, variety of services and opportunities have been provided. Programme NADI activities involve 4 main objectives which have been stated above.

These activities are shown through various projects which have already been completed, in the process of implementation and in the planning stages; according to areas being earmarked in the Federal Territory. Among these projects are:—

- i) Sang Kancil Project
- ii) Deworming
- iii) Electricity Supply
- iv) Stand Pipe
- v) Information, Education, Communication Project (IEC)
- vi) Training
- vii) Community Service Centre
- viii) Development Project for Villages
- ix) Evaluation and Identification of NADI Programme
- x) On Job Training
- xi) Disabled Youth
- xii) Youth Entrepreneur
- xiii) Student Prep Centre
- xiv) Nutritional Aid
- xv) Tuition Classes
- xvi) Citizen Corps.

H. IMPLEMENTATION

This programme is implemented by the joint effort of the community and the government agencies. The community participate as individuals, as a family unit and as an association, to identify their needs, their targets and to mobilize all available resources and to take necessary steps to solve their problems.

I. RELATED GOVERNMENT AGENCIES IN NADI PROGRAMME

1. Federal Territory Improvement Division (Prime Minister Department)
2. Kuala Lumpur City Council
3. Implementation and Co-ordination Unit (Prime Minister Department)
4. Economic Planning Unit (Prime Minister Unit)
5. National Development & Family Board
6. Social Welfare Department
7. Information Department
8. Youth & Sport Department
9. National Unity Department
10. Islamic Religious Department
11. Education Department
12. Community Progress Section
13. MARA Wilayah Persekutuan
14. Malaysia Handicraft Development Cooperation
15. Labour and Manpower Department
16. Land and Mine Department
17. Youth Council
18. Police
19. Water Works Department
20. Social, Obstetric & Gynaecology Department UM
21. Pediatric Department UKM
22. Bio-Chemical and Microbiology Department UPM
23. Consultancy Institute UPM
24. INTAN-National Institute of Public Administration
25. Federal Association of Manufacturers.

NADI Programme will act as a co-ordinator and implementor for this programme.

J. ORGANIZATIONAL STRUCTURE OF PROGRAMME NADI

This can be explained by 3 aspects as follows:—

- i) Organization Structure
 - ii) Function
 - iii) Organization involved
- i) Organization Structure — *See Appendix II*

The Organization Structure of NADI Programme associates itself with 4 stages i.e., at the Federal Territory level will be the "STEERING COMMITTEE". At the "TECHNICAL" level, there will be the representatives from 7 parliamentary constituencies and technical officers from various government agencies. At the "IMPLEMENTATION" level, the committee will include the members from the community, the implementing agencies and political representatives. Whereas at the "LOCAL" level there will be the "LOCAL ACTION COMMITTEE" as explained in the appendix II. This machinery has been grouped as a "chained-intergration" of the government.

The Local Action Committee will work closely with the Secretaries of the NADI Programme. Apart from this, there will also be other association, parent-teachers

association, voluntary organization within the frame-work of mobilization of resources.

The NADI Secretariat will be the prime mover of services of government agencies to the target group which by the mode of operation should be closely associated. The Local Action Committee will provide their necessary feed-backs to the Secretariat because of the close rapport with the members of the community. The Local Action Committee is formed by election at the local level and to be the representatives of the community for the following interest:—

- i) Education
- ii) Income Generating and Cottage Industries
- iii) Culture
- iv) Recreation and Sport
- v) Health
- vi) Religion
- vii) Basic Infrastructure

ii) Function of the Organization Structure and Information Inputs

The organizational Structure stated above will be responsible to main functions:—

- i) Policy and Planning
- ii) Implementation

The Policy and Planning will be responsible by the following committees:—

- i) STEERING COMMITTEE
- ii) TECHNICAL COMMITTEE
- iii) IMPLEMENTATION COMMITTEE

The function of implementing the policy and planning will be the responsibility of the following:—

- i) The Chairman of TECHNICAL COMMITTEE
- ii) The Chairman of IMPLEMENTATION COMMITTEE
- iii) The Chairman of LOCAL ACTION COMMITTEE


The function of the Secretariat of the NADI Programme will be the Secretary of all the Committees, with the following duties:—

- i) To be the secretary of all the committees
- ii) Briefing and Reports
- iii) Data Management
- iv) Co-ordinating with all the agencies, private enterprises and voluntary organizations
- v) Implementation and Monitoring of Projects
- vi) Preparation of Budgets
- vii) Evaluations

iii) Organization Involved

The agencies listed above are those involved in a close networks to mobilize the available resources, manpower and financial allocations for the target group. Also not include in the list are the registered voluntary organization to assist in the campaign and implementation of projects. These organizations will be co-ordinated under NADI Programme; to appear as one force for the assistance of the urban poor.


AKTIVITIES OF NADI PROGRAMME FEDERAL TERRITORY




NADI PROGRAMME OBJECTIVES

1. Happy Family
2. Responsible Society
3. United Society
4. Active quality and disciplined society
5. Youth with morale
6. Skilled youth
7. Developed, caliber and balanced individual

NADI STRUCTURE AND ORGANISATION PROGRAMME






URUSETIA PROGRAM NADI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JALAN RAJA LAUT
50350 KUALA LUMPUR

BAHAGIAN KEMAJUAN WILAYAH PERSEKUTUAN (J.P.M.)
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

INTEGRATED GOVERNMENT AGENCIES NADI PROGRAMME



KOR WANITA KOTA

Penerangan Ringkas:

Kor Wanita Kota (KWK) adalah sebuah persatuan sukarela yang ditubuhkan oleh para wanita kota pada tahun 1990, bertujuan untuk menjaga dan membela kepentingan serta kebajikan wanita, kanak-kanak dan warga tua di seluruh wilayah persekutuan Kuala Lumpur.

Badan ini adalah sebahagian daripada badan yang menjalankan aktiviti di bawah program NADI dan keseluruhan kegiatan dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa khas terdiri golongan wanita-wanita yang berpengalaman dan berminat ke arah kebajikan dan masalah wanita kota.

Jawatankuasa khas ini mengandungi beberapa jawatankuasa exko bagi mengendalikan berbagai-fungi di bawah rancangannya yang terdapat sebanyak 22 buah kesemuanya.

1. Exko kemiskinan.
2. Exko Ekonomi Rumah tangga
3. Exko Briged KWK
4. Exko Sosial & Kebudayaan
5. Exko Agama
6. Exko Pembangunan & Perlindungan Wanita
7. Exko Perlindungan Pengguna
8. Exko Kebajikan
9. Exko Sumber Tenaga Manusia
10. Exko Pendidikan
11. Exko Perlindungan Warga Tua
12. Exko Pembangunan
13. Exko Pusat Maklumat & Penyelidikan
14. Exko Usahawan
15. Exko Guaman
16. Exko Kesihatan
17. Exko Dadah & Juvena
18. Exko Perlindungan Ibu Tunggal
19. Exko Pekerja Kilang
20. Exko Setinggan
21. Exko Seranta
22. Exko Penjaja